



**GARIS PANDUAN  
IDEA BOX INOVASI  
MAJLIS PERBANDARAN KLANG  
TAHUN 2023**

---

## GARIS PANDUAN IDEA BOX INOVASI MAJLIS PERBANDARAN KLANG TAHUN 2023

---

### 1.0 PENDAHULUAN

Idea Box Inovasi dilaksanakan adalah bertujuan untuk menggalakkan kakitangan Majlis Perbandaran Klang (MPK) melontarkan idea bagi penghasilan produk inovasi dalam usaha membudayakan amalan inovatif dan kreatif dalam kalangan kakitangan/ jabatan.

### 2.0 OBJEKTIF

- 2.1 Idea Box Inovasi diadakan adalah bagi mengumpulkan hasil idea inovasi yang kreatif dan inovatif dalam kalangan kakitangan jabatan-jabatan di Majlis;
- 2.2 Membudayakan budaya inovatif dan Kreatif dalam kalangan kakitangan jabatan-jabatan di Majlis;
- 2.3 Merupakan satu mekanisme yang melibatkan pekerja dalam proses penyelesaian masalah atau penambahbaikan proses kerja sedia ada atau memperkenalkan sesuatu yang baru;
- 2.4 Menerapkan konsep *knowledge-based* dan *creativity-driven* bagi membolehkan jabatan menghasilkan inovasi yang memberi nilai tambah kepada produk atau perkhidmatan/ proses kerja

### 3.0 SASARAN PENYERTAAN

- 3.1 Penyertaan dibuka kepada semua kakitangan di setiap jabatan-jabatan di Majlis Perbandaran Klang bagi menyumbang sekurang-kurangnya satu idea/produk inovasi setiap bulan.

### 4.0 CADANGAN PELAKSANAAN

- Tarikh** : 1 Mei 2023 hingga 2 Oktober 2023  
**Kaedah** : Emel borang penyertaan ke [inovasimpk@mpklang.gov.my](mailto:inovasimpk@mpklang.gov.my)  
**Penilaian** : Penilaian menerusi markah merit iaitu kekerapan jabatan menyumbangkan idea dan idea yang kreatif dan inovatif

### 5.0 SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

- 5.1 Penyertaan dibuka kepada semua kakitangan jabatan-jabatan di Majlis Perbandaran Klang untuk mengambil bahagian dengan menggunakan borang penyertaan yang telah disediakan oleh pihak urus setia ;

- 5.2 Penghasilan produk/ hasil inovasi mestilah daripada ciptaan asli peserta dan tidak meniru mana-mana produk/ hasil inovasi yang lain;
- 5.3 Peserta perlu mengemukakan borang penyertaan yang lengkap berkaitan idea/hasil inovasi.

**6.0 TATACARA PENYERTAAN**

- 6.1 Setiap penyertaan perlu menggunakan borang rasmi yang boleh didapati menerusi scan QR Code yang telah disediakan.

**7.0 PROSES PENILAIAN**

- 7.1 Semua penyertaan yang dihantar oleh jabatan akan memperoleh markah yang akan dinilai menerusi berikut :

Penyertaan	Penilaian Markah
1 Kali Penyertaan	10 Markah

- 7.2 Idea yang diketengahkan hendaklah mengemukakan kriteria-kriteria berikut :

- a) Keaslian cetusan idea/ hasil inovasi;
- b) Kreatif/inovatif;
- c) Impak cetusan idea/hasil inovasi.

Contoh idea inovasi yang dihasilkan :



Talian WhatsApp I Pelanggan



Record Management Menggunakan kotak



Paper Bag

- 7.3 Peserta tidak perlu membuat persembahan/ demonstrasi inovasi/ produk kepada panel penilai;
- 7.4 Jabatan yang paling kerap menyumbangkan idea inovasi akan mendapat Anugerah Khas yang akan disampaikan pada Sambutan Bulan Kualiti Tahun 2023 yang akan berlangsung pada bulan Oktober.

## 8.0 BENTUK HADIAH/ PENGHARGAAN

Hadiah dan ganjaran akan diberikan seperti berikut :

Bil	Kedudukan Tempat	Hadiah
1	Pertama	Wang Tunai RM500 + Sijil Penghargaan
2	Kedua	Wang Tunai RM300 + Sijil Penghargaan
3	Ketiga	Wang Tunai RM200 + Sijil Penghargaan